From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: STML UUM KETENGAHKAN INOVASI EZEE DIY AQUAPONIK DI NICE 2026
Date: Tuesday, 8 September, 2026 3:22:43 PM
Attachments: image002.png
image003.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

8 SEPTEMBER 2026 / 26 RABIULAWAL 1448H
==========

Berita dan gambar oleh: Dr. Yuhainis Mohd Yusoff

STML UUM KETENGAHKAN INOVASI EZEE DIY AQUAPONIK DI NICE 2026



UUM ONLINE: KUALA LUMPUR - Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML), Universiti Utara Malaysia (UUM) telah dijemput untuk menyertai National Innovation and Commercialisation Expo (NICE) 2026 anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bagi mengetengahkan peranan serta keupayaan STML dalam menyokong usaha memperkukuh keterjaminan bekalan makanan, menghadapi cabaran perubahan iklim serta menerapkan teknologi Internet of Things (IoT) dalam industri makanan.

Program NICE 2026 yang berlangsung dari 26 hingga 28 Ogos 2026 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) menghimpunkan pelbagai agensi kerajaan, syarikat swasta dan institusi pengajian tinggi dari dalam dan luar negara untuk mempamerkan pelbagai inovasi, teknologi, produk dan perkhidmatan.

Dalam penyertaan tersebut, STML mengetengahkan EZEE DIY Aquaponik, sebuah inovasi yang menggabungkan konsep aquaponik dengan penerapan teknologi IoT dalam usaha menyokong sistem pengeluaran makanan yang lebih cekap, pintar dan berdaya tahan.



Sepanjang pameran berlangsung, pengunjung berpeluang melihat serta mendapatkan pengalaman secara langsung berkaitan pelbagai produk inovasi dan jualan yang dipamerkan, merangkumi bidang kesihatan, kecantikan, keselamatan, peralatan rumah dan pelbagai lagi, selain berpeluang mendapatkan penerangan secara langsung daripada para pempamer mengenai inovasi dan teknologi yang diketengahkan.

Penyertaan STML dalam NICE 2026 menjadi platform penting untuk berkongsi pengetahuan, memperkenalkan amalan terbaik serta membina jaringan kerjasama dengan agensi kerajaan, pemain industri, institusi pendidikan dan masyarakat. Interaksi bersama pengunjung juga membuka ruang kepada pertukaran idea mengenai penggunaan teknologi dalam memperkukuh sistem pengurusan, operasi dan penyampaian perkhidmatan.

Ketua Penyelidikan EZEE DIY Aquaponik, Prof. Madya Dr. Mohammad Farizal Rajemi berkata, penglibatan STML dalam pameran tersebut mencerminkan komitmen pusat pengajian dalam menyokong agenda pembangunan sains, teknologi dan inovasi negara.



“Penyertaan dalam NICE 2026 merupakan satu platform yang penting untuk mengetengahkan inovasi EZEE DIY Aquaponik kepada masyarakat dan pihak berkepentingan.

“Pada masa yang sama, penglibatan ini dapat meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pengurusan teknologi dan logistik yang cekap, sistematik serta berdaya tahan dalam menyokong penerapan sesuatu teknologi,” katanya.

Menurutnya, penyertaan tersebut turut memberi peluang kepada pasukan penyelidik untuk mendapatkan maklum balas daripada pengunjung serta meneroka potensi kerjasama dengan pelbagai pihak dalam usaha memperluas penggunaan teknologi yang dibangunkan.

Pameran anjuran MOSTI itu turut menghimpunkan pelbagai agensi dan organisasi bagi memperkenalkan inovasi, teknologi serta perkhidmatan yang berpotensi memberikan manfaat kepada negara dan masyarakat. Kehadiran EZEE DIY Aquaponik dari STML UUM melengkapkan usaha tersebut dengan mengetengahkan kepentingan penerapan teknologi serta sokongan operasi dan logistik bagi memastikan sesuatu inovasi dapat dimanfaatkan secara berkesan.



Penyertaan ini juga membuka peluang kepada STML UUM untuk memperluas jaringan strategik dengan pelbagai pihak, di samping meneroka potensi kerjasama dalam bidang penyelidikan, inovasi, pemindahan teknologi dan pengkomersialan.

STML UUM berharap penyertaan dalam NICE 2026 dapat menjadi pemangkin kepada kerjasama strategik yang lebih luas serta menggalakkan pembangunan penyelesaian berasaskan teknologi dan logistik yang inovatif bagi menangani cabaran semasa, khususnya dalam aspek keterjaminan makanan, perubahan iklim dan kelestarian.

Penglibatan ini sekali gus mencerminkan komitmen STML UUM dalam memperkukuh peranan penyelidikan dan inovasi serta memperluas impak kepakaran akademik kepada masyarakat, industri dan negara.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.